

Jambatan Kampung Pulau Meranti runtuh

SEPANG 29 Okt. - Sebuah jambatan yang menghubungkan ribuan penduduk di sekitar Kampung Pulau Meranti dengan Puchong dan Putrajaya runtuh petang ini.

Kejadian kira-kira pukul 2 petang berhampiran Masjid Meranti di sini itu turut mengakibatkan pembentukan sebuah lubang besar sedalam tiga meter dan selebar 3.6 meter.

Sebatang tiang lampu turut patah tetapi tiada kecederaan dilaporkan pada masa kejadian.

Seorang penduduk kampung yang mahu dikenali sebagai Hafiz memberitahu, terdapat kesan retakan dan lubang kecil pada bahagian jambatan itu, enam bulan lalu, tetapi tiada kerja baik pulih dilakukan.

"Saya difahamkan bahawa banyak aduan telah dibuat oleh ketua kampung tetapi masih tiada pihak yang datang membaiki.

"Saya yang menggunakan jambatan ini pada pukul 1.30 petang mendapati kenderaan saya seperti 'di hayun' dan segera memaklumkan kepada ketua kampung, malangnya sebahagian jambatan ini runtuh ti-



RUNTUHAN jambatan di Kampung Batu 9, Sungai Rasau Pulau Meranti akibat daripada hakisan air sungai berhampiran terpaksa ditutup bagi mengelakkan bahaya kepada pengguna jalan berkenaan di Sepang, Selangor, semalam.

dak lama kemudian," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Difahamkan jambatan yang run-

tuh tersebut terletak di jalan yang agak sibuk dan sering digunakan oleh kenderaan yang mahu meng-

elakkan bayaran tol di lebuh raya.

Seorang penduduk, Saiful Wan Mohd. Rosli, 40, berkata, dia ber-

syukur kerana kejadian tersebut tidak menyebabkan kecederaan atau kenderaan terhumban ke dalam lubang yang terbentuk.

"Laluan ini agak sibuk kerana menghubungkan Putrajaya, Cyberjaya dan Puchong, jambatan ini turut digunakan oleh bas yang melalui kampung ini," katanya.

Ahli Parlimen Sepang, Datuk Seri Mohd. Zin Mohamed dan Ahli Dewan Undangan Negeri Dengkil, Datuk Marsum Paing telah meluangkan masa untuk melawat tempat kejadian.

Marsum berkata, penduduk kampung buat masa kini terpaksa menggunakan jalan alternatif kerana sebahagian laluan jambatan menghala ke Puchong telah runtuh manakala laluan menuju ke Putrajaya berada dalam keadaan tidak selamat.

"Pelbagai agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Perbandaran Sepang dan Jabatan Kerja Raya turut melakukan tinjauan bagi melakukan kerja baik pulih," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.